

15) SETINGGAN

Adun : Y.B. Tuan Rosnizan Bin Ahmad (Morib)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) **Berapakah jumlah setinggan yang berada di Negeri Selangor dan senaraikan kesuluruhan kawasan setinggan tersebut?**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang diterima daripada semua Pejabat Tanah Dan Daerah di negeri Selangor, terdapat 60 penempatan setinggan melibatkan 1,975 keluarga di atas tanah Kerajaan seperti di Lampiran A.

- b) **Adakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani masalah setinggan ini?**

Kerajaan Negeri sedang menyediakan Pelan Tindakan Pengurusan Setinggan di atas Tanah Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan penyelesaian penempatan setinggan ditangani secara komprehensif.

- c) **Adakah masih ada isu setinggan di mana-mana kawasan Di DUN Morib dan sila nyatakan kawasan-kawasan tersebut?**

Terdapat empat (4) penempatan setinggan di DUN Morib seperti berikut :

BIL	LOKASI	PENGAWAI PENGAWAL@ PEMILIK TANAH	BILANGAN KELUARGA SETINGGAN
1.	Kampung Jeti Kelanang	Jabatan Pengairan Dan Saliran	3
2.	Kampung Tongkah	Jabatan Pengairan Dan Saliran	14
3.	Kampung Kelanang	Jabatan Pengairan Dan Saliran	8
4.	Kampung Sungai Raba	Jabatan Kerja Raya	1